

NO. SOALAN : 326

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian turun ke lapangan menjalankan pemantauan terhadap premis-premis perniagaan agar tiada peniaga yang mengambil kesempatan daripada kenaikan harga minyak untuk menaikkan harga barangan jualan mereka.

62

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menjalankan pemantauan dan pemeriksaan sepanjang masa ke atas harga barangan di premis-premis perniagaan dan tidak terhad semasa kenaikan harga minyak sahaja.

Dalam tempoh Januari 2017 sehingga kini, sebanyak **196,273 premis** telah diperiksa antaranya merangkumi hypermarket, supermarket, kedai runcit, restoran dan kedai makan, medan selera, hentian rehat dan rawat (R&R), pasar basah, pasar malam, pasar tani, kedai pakaian, kedai alat ganti, kedai elektrik dan lain-lain bagi memastikan pematuhan kepada Akta dan Peraturan yang berkaitan. Sebanyak **1,886 tindakan kes** telah diambil ke atas penjual runcit kerana gagal **meletakkan tanda harga atau senarai harga bagi barangan yang dijual**. Keseluruhan nilai kompaun yang dikenakan ialah sebanyak **RM344,343**.

Kementerian juga telah menjalankan penguatkuasaan pencatutan terhadap peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang jualan mereka melalui **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016**. Sehingga kini, sebanyak **185 Notis Seksyen 21** telah dikeluarkan kepada peniaga bagi mendapatkan alasan dan justifikasi kenaikan harga untuk disiasat kerana disyaki mencatut.